

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak penurunan nilai ringgit Malaysia berbanding nilai dolar Amerika Syarikat terhadap ekonomi negara Malaysia.

**JAWAPAN**

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh

prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Seperti sistem kadar pertukaran yang lain, apabila nilai ringgit menyusut, sesetengah sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sesetengah sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat dari segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.

3. Namun begitu, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Ini akan menyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur inflasi kerana harga barangan yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, kesan terhadap kadar inflasi adalah kecil, memandangkan

barangan import tidak termasuk petrol dan diesel mencakupi 7% daripada bakul IHP. Penyusutan nilai ringgit juga akan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga bahan mentah yang diimport. Walau bagaimanapun, kesan ini akan diserap oleh harga bahan mentah yang lebih rendah susulan kejatuhan harga minyak global dan harga komoditi. Harga minyak mentah global telah turun sebanyak 41% sementara harga makanan dunia telah turun sebanyak 8% sejak September 2014. Oleh yang demikian, kesan terhadap kos bagi pengeluar adalah terkawal. Ini ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR) yang telah menurun sebanyak 3.5% antara September 2014 dan Januari 2015.

4. Walau bagaimanapun, ekonomi negara masih berada pada landasan pertumbuhan yang mapan dengan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 6% pada tahun 2014 berbanding 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Pertumbuhan ekonomi ini dipacu oleh permintaan domestik dan asas-asas ekonomi yang kekal kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab

antarabangsa yang tinggi. Tahap rizab antarabangsa kini jauh lebih tinggi, iaitu sebanyak dolar AS110.5 bilion (RM386 bilion) pada 27 Februari 2015 berbanding dolar AS15.7 bilion (RM59.1 bilion) pada tahun 1997 semasa krisis kewangan Asia.